

SULIT



UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER II SESI 2013/2014

NAMA KURSUS : KANAK-KANAK
BERKEPERLUAN KHAS

KOD KURSUS : BBD 29003

PROGRAM : 2 BBR

TARIKH PEPERIKSAAN : JUN 2014

MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN : A) JAWAB **SEMUA** SOALAN
B) JAWAB **DUA (2)** SOALAN
SAHAJA
C) SOALAN BAHAGIAN A
HENDAKLAH DIJAWAB DI
KERTAS SOALAN INI.

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI ENAM (6) MUKA SURAT

SULIT

BAHAGIAN A
(60 markah)

Jawab **semua** soalan.

1. a) Kanak-kanak berkeperluan khas ialah kanak-kanak yang mempunyai ciri-ciri mental, fizikal dan emosi yang berbeza dari norma biasa sehingga memerlukan pendidikan yang khusus.

Jelaskan 3 kategori kanak-kanak keperluan khas di Malaysia yang dinyatakan dalam Akta Pendidikan 1997.

i. _____

ii. _____

iii. _____

[6 markah]

- b) Laporan Warnock 1978 merupakan akta pendidikan di Britain yang mengemukakan konsep 'integrasi' dan konsep 'kolaboratif' dalam Pendidikan Khas. Terangkan implikasi kedua-dua konsep itu kepada sistem pendidikan khas di Malaysia.

[6 markah]

2. a) Huraikan punca kecacatan yang disebabkan oleh faktor sebelum kelahiran.

i. _____

ii _____

iii _____

[6 markah]

b) Menurut Mercer (1997) sukar untuk menyenaraikan ciri-ciri kanak-kanak yang mengalami masalah pembelajaran kerana terdapat beribu-ribu kombinasi masalah kognitif dan emosi.

Sebagai seorang guru, kemukakan **dua** kaedah yang boleh anda gunakan untuk mengenalpasti kanak-kanak bermasalah pembelajaran di dalam bilik darjah anda.

i _____

ii _____

[6 markah]

3. a) Autisme didefinisikan sebagai individu yang berada dalam dunianya sendiri dan mempunyai ketidakupayaan dalam aspek sosial.

Berikan justifikasi untuk menyokong pernyataan di atas.

[6 markah]

- b) Nyatakan 3 ciri kanak-kanak yang mengalami masalah *Attention deficit disorder Hyperactive* (ADHD).

i. _____

ii. _____

iii. _____

[6 markah]

- 4 a) Masalah penglihatan terdiri daripada dua kategori iaitu penglihatan terhad (low vision) dan buta (blind).

Jelaskan perbezaan antara penglihatan terhad (low vision) dan buta (blind).

[6 markah]

- b) Kanak-kanak yang mengalami masalah pendengaran mempunyai masalah untuk berkomunikasi secara lisan.

Cadangkan **dua** kaedah yang boleh digunakan untuk membantu kanak-kanak ini berkomunikasi.

i

ii

[6 markah]

5. a) Kanak-kanak *Deafblindness* merujuk kepada kanak-kanak yang mempunyai kombinasi masalah pendengaran dan masalah penglihatan.

Berikan **dua** sebab mengapakah kanak-kanak ini mengalami kesukaran untuk belajar.

i. _____

ii _____

[6 markah]

- b) Seorang murid *Cerebral Palsy* telah ditempatkan di sekolah anda . Kemukakan pendekatan pendidikan yang perlu dilaksanakan untuk memastikan murid tersebut memperolehi manfaat pendidikan yang sewajarnya.

[6 markah]

**BAHAGIAN B
(40 MARKAH)**

Jawab **Dua** Soalan Sahaja.

1. Di Malaysia, pendidikan untuk murid-murid berkeperluan khas dilaksanakan melalui 3 pendekatan iaitu Sekolah khas, Program Percantuman (Integrasi) dan Program Inklusif
 - (a) Bina satu rajah untuk menerangkan bagaimanakah prosedur penempatan murid-murid berkeperluan ke program pendidikan khas di Malaysia.

(10 markah)
 - (b) Bincangkan kelebihan dan kekurangan Sekolah Khas dan Program Percantuman (Integrasi).

(10 markah)

2. Masalah tingkah laku atau gangguan emosi merujuk kepada keadaan di mana ciri-ciri seperti tingkah laku ganas atau pasif yang berlaku pada tempoh yang lama dan menjejaskan prestasi pembelajaran kanak-kanak
 - (a) Huraikan perbezaan tingkah laku luaran dan tingkah laku dalaman di kalangan pelajar bermasalah emosi.

(10 markah)
 - (b) Bincangkan sejauh manakah faktor persekitaran mempengaruhi perkembangan pelajar bermasalah emosi dan tingkah laku.

(10 markah)

3. Alfred Binet (1916) mendefinisikan pintar cerdas sebagai keupayaan dalam pemahaman, membuat pertimbangan dan penaklukan yang baik.
 - (a) Merujuk kepada definisi tersebut, huraikan dengan contoh ciri-ciri kanak-kanak yang dikategorikan sebagai kanak-kanak pintar cerdas.

(10 markah)
 - (b) Sebagai seorang guru, berikan cadangan-cadangan pendekatan pendidikan yang bersesuaian untuk kanak-kanak pintar cerdas.

(10 markah)

- SOALAN TAMAT-